



MATLAMAT

1. Memastikan pengurusan wang zakat termasuk kutipan dan pengagihannya adalah dilaksanakan secara teratur dan efisien.
2. Memastikan program-program dan inisiatif-inisiatif bagi memperkasa keupayaan asnaf adalah secara terancang dan berkesan.
3. Memastikan keberkesanan pengurusan dan inisiatif-inisiatif mengembang majukan harta-harta waqaf dan baitulmal bagi menjana kemaslahatan golongan-golongan sasaran, meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam dan menyumbang kepada memperkuuh kedudukan fiskal negara.



• • •
• • •
• • •
• • •



8292526



www.mora.gov.bn



juzwab_kheu



juzwab

AGIHAN-AGIHAN ZAKAT

Agihan kepada Asnaf Fakir Miskin:

- Agihan bulanan
- a) Agihan kewangan bulanan;
- b) Agihan keperluan asasi;
- c) Agihan Persekolahan;
- d) Agihan Institut Pengajian Tinggi;
- e) Agihan sewa rumah

- Agihan tahunan / sekali pemberian (one-off)
- a) Wang tunai bagi perbelanjaan Hari Raya Aidil Fitri;
- b) Wang tunai bagi awal tahun persekolahan;
- c) Pendidikan (Bayaran Yuran Pengajian);
- d) Modal Berusaha/Peralatan Berniaga;
- e) Serta merta (kebakaran/bencana alam);
- f) Program-program pengupayaan berupa latihan kemahiran dan penempatan kerja;
- g) Perumahan (membina dan membaik pulih)



Permohonan bagi Asnaf Fakir Miskin hendaklah dipohonkan secara dalam talian (online) melalui laman sesawang www.skn.gov.bn.

Agihan kepada Asnaf Muallaf:

- Saguhati memeluk Islam;
- Perbelanjaan kursus Muallaf;
- Menunaikan Fardu Haji;
- Perumahan / perlindungan;
- Keperluan seperti pakaian dan sebagainya;
- Wang tunai (menjelang hari raya Aidil Fitri)

Permohonan bagi Asnaf Muallaf hendaklah dipohonkan melalui borang yang dapat diperolehi di masjid-masjid di negara ini.



Agihan kepada Asnaf Al-Gharimin (orang berhutang):

- Bayaran hutang membina masjid;
- Bayaran hutang membina sekolah;
- Bayaran melunaskan hutang perumahan, keperluan asas, elektrik, air dan lain-lain.

Permohonan bagi Asnaf Al-Gharimin hendaklah dipohonkan melalui borang yang dapat diperolehi di kaunter Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB).



PROPAZ

Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) diperkenalkan pada tahun 2007 sebagai usaha memperkasa agihan wang zakat bagi mengupayakan asnaf fakir miskin dengan membekalkan ilmu, latihan dan kemahiran sebagai pemacu mereka untuk berdikari dan berusaha mendapatkan sumber pendapatan sama ada bekerja secara bermajikan atau melibatkan diri dalam keusahawanan.

WAQAF & BAITULMAL

Harta waqaf telah dikembangkan bagi tujuan seperti tapak tanah bagi pembinaan masjid, laluan ke tapak masjid atau tanah perkuburan, kereta jenazah, bangunan dan prasarana seperti garaj di masjid, bilik pengurusan jenazah, tempat berwudhu, lampu solar, tangga konkrit di tanah perkuburan Islam dan sebagainya.

Manakala harta baitulmal digunakan bagi kemaslahatan golongan-golongan sasaran.

Sebarang urusan berkaitan hal ehwal waqaf dan baitulmal bolehlah membuat perjumpaan di kaunter Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB).